

**SOALAN LAZIM BIASISWA MYBRAINSC TAHUN 2021**

SOALAN		JAWAPAN
1.	<b>Bila tarikh permohonan biasiswa ini dibuka?</b>	Permohonan ini dibuka mulai pada <b>16 Mac 2021, jam 6.00 petang sehingga 15 April 2021, jam 11.59 malam.</b>
2.	<b>Siapakah yang layak memohon biasiswa ini?</b>	Terbuka kepada warganegara Malaysia yang mengikuti pengajian peringkat ijazah pertama dan pasca ijazah secara sepenuh masa dalam bidang <b>SAINS TULEN (Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik)</b> di Universiti Awam dan Swasta (terpilih sahaja) atau universiti terkemuka dunia atau bertaraf <i>ivy league</i> .
3.	<b>Apakah tempat pengajian yang dibenarkan?</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua Universiti Awam</li> <li>• Universiti Swasta yang terpilih; dan</li> <li>• Universiti terkemuka dunia yang terpilih dalam bidang sains tulen mengikut <i>ranking</i> semasa.</li> </ul>
4.	<b>Apakah tatacara permohonan bagi biasiswa ini?</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Permohonan perlu dibuat secara dalam talian (online) melalui Portal KPM di <a href="https://biasiswa.mohe.gov.my/MyBrainSc/">https://biasiswa.mohe.gov.my/MyBrainSc/</a></li> <li>• Permohonan perlu dibuat secara dalam talian sepenuhnya dengan klik menu <b>LOG MASUK</b> di atas, dan mendaftar sebagai pengguna sistem. Permohonan secara manual tidak akan diproses;</li> <li>• Pemohon hendaklah memastikan rancangan penyelidikan (proposal) telah dipersetujui dan disahkan oleh penyelia/bakal penyelia bagi peringkat pengajian Sarjana dan PhD;</li> </ul>

**SOALAN LAZIM BIASISWA MYBRAINSNC TAHUN 2021**

<b>SOALAN</b>		<b>JAWAPAN</b>
		<ul style="list-style-type: none"><li>• Pemohon hendaklah bebas daripada senarai hitam Pinjaman Tabung Pelajaran Tinggi Negara (PTPTN) atau Tabung Pinjaman Pelajaran (TPP);</li><li>• Semua dokumen sokongan yang disertakan perlu diimbab (scan) dari dokumen asal dan disimpan dalam format imej (JPEG) atau PDF dan perlu dimuatnaik (<i>upload</i>) dalam sistem permohonan atas talian ini. Dokumen yang diambil (<i>capture</i>) menggunakan kamera tidak akan diterima; dan</li><li>• Jika tiada dokumen asal, pelajar boleh mengimbab dari dokumen salinan photostat tetapi dokumen tersebut perlu diakui sah oleh pegawai Kerajaan / badan berkanun dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 dan ke atas) / Penggawa / Ketua Kampung / Ketua Masyarakat.</li></ul>
<b>5.</b>	<b>Apakah kategori pengajian yang ada dalam permohonan biasiswa ini?</b>	<b><u>i. Peringkat PhD</u></b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Calon adalah warganegara Malaysia;</li><li>• Berumur tidak melebihi 35 tahun pada 31 Disember 2021 tarikh memohon;</li><li>• Calon mendapat keputusan cemerlang di peringkat Sarjana dan sekurang-kurangnya PNGK 3.75 di peringkat Ijazah Pertama dan ke atas atau Kelas Pertama atau setara dengannya dalam bidang sains tulen;</li></ul>

## SOALAN LAZIM BIASISWA MYBRAINSNC TAHUN 2021

SOALAN	JAWAPAN
	<ul style="list-style-type: none"><li>• Calon tidak mempunyai sebarang ikatan kontrak dari mana-mana penaja semasa peringkat pengajian terdahulu atau pihak penaja bersedia untuk melepaskan ikatan kontrak jika ditawarkan Biasiswa ini;</li><li>• Calon yang sedang berkhidmat di mana-mana sektor awam atau swasta dan bersedia untuk melepaskan jawatan sekiranya ditawarkan biasiswa ini;</li><li>• Calon yang sedang mengikuti pengajian di peringkat sarjana secara penyelidikan penuh akan diberi keutamaan; dan</li><li>• Calon sedang mengikuti pengajian Ph.D atau telah mendapat tempat mengikuti pengajian dalam bidang sains tulen sama ada di dalam negara atau luar negara berdasarkan senarai universiti yang telah ditetapkan oleh Kementerian.</li></ul> <p><b><u>ii. Peringkat Sarjana</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Calon adalah warganegara Malaysia;</li><li>• Berumur tidak melebihi 28 tahun pada 31 Disember 2021;</li><li>• Calon telah mendapat keputusan cemerlang di peringkat Ijazah Pertama dalam bidang sains tulen iaitu mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.75 ke atas atau Kelas Pertama dan mod pengajian mestilah dalam mod penyelidikan penuh;</li></ul>

## SOALAN LAZIM BIASISWA MYBRAINSNC TAHUN 2021

SOALAN	JAWAPAN
	<ul style="list-style-type: none"><li>• Calon tidak mempunyai sebarang ikatan kontrak dari mana-mana penaja semasa di peringkat pengajian terdahulu atau pihak penaja bersedia melepaskan ikatan kontrak jika ditawarkan biasiswa ini;</li><li>• Calon yang sedang berkhidmat di mana-mana sektor awam atau swasta dan bersedia untuk melepaskan jawatan sekiranya di tawarkan biasiswa ini;</li><li>• Mod pengajian mestilah dalam mod penyelidikan dan sepenuh masa; dan</li><li>• Calon sedang mengikuti pengajian di peringkat Sarjana atau telah mendapat tempat mengikuti pengajian dalam bidang sains tulen sama ada di dalam negara atau luar negara berdasarkan senarai universiti yang telah ditetapkan oleh Kementerian.</li></ul> <p><b><u>iii. Peringkat Ijazah Pertama</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Calon adalah warganegara Malaysia; □ Umur tidak melebihi 21 tahun pada 31 Disember 2021;</li><li>• Calon memperolehi sekurang-kurangnya PNGK 3.60 dan ke atas di peringkat Asasi Sains/Matrikulasi/STPM/Diploma, Skala 1180/1600 untuk semua ujian dalam SAT, 40/45 dalam International Baccalaureate (IB) dan 4A dalam A Level;</li></ul>

**SOALAN LAZIM BIASISWA MYBRAINS SC TAHUN 2021**

<b>SOALAN</b>		<b>JAWAPAN</b>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar-pelajar yang berada di semester akhir diperingkat Asasi Sains/Matrikulasi/STPM/Diploma, Skala 1180/1600 untuk semua ujian dalam SAT, 40/45 IB Diploma dan A-Level; dan</li> <li>• Pelajar belum lagi menerima sebarang biasiswa / tajaan / ikatan perjanjian dari manamana penaja.</li> </ul>
<b>6.</b>	<b>Adakah layak memohon biasiswa ini jika telah memulakan pengajian bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda/Sarjana/Ph.D?</b>	Pemohon yang telah memulakan pengajian, mestilah mempunyai baki 2 semester atau setahun pengajian tertakluk kepada tempoh surat tawaran asal universiti
<b>7.</b>	<b>Apakah dokumen yang perlu di muat naik di dalam sistem?</b>	<p>Dokumen sokongan yang perlu dimuat naik adalah seperti berikut:</p> <p><b><u>i. Permohonan peringkat Ijazah Pertama:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kad Pengenalan Pemohon (depan dan belakang);</li> <li>• Gambar berukuran passport;</li> <li>• Slip Keputusan SPM;</li> <li>• Transkrip penuh; Asasi/Matrikulasi/STPM/IB/A-level/Diploma/SAT; dan □ Surat Tawaran Universiti (jika ada).</li> <li>• Borang Pengisytiharan Pendapatan</li> </ul>

**SOALAN LAZIM BIASISWA MYBRAINS SC TAHUN 2021**

SOALAN		JAWAPAN
		<p><b>ii. <u>Permohonan peringkat Ijazah Sarjana:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kad Pengenalan Pemohon (depan dan belakang);</li> <li>• Gambar berukuran passport;</li> <li>• Slip Keputusan SPM;</li> <li>• Transkrip penuh Ijazah Pertama;</li> <li>• Rancangan penyelidikan yang telah disahkan oleh penyelia; dan</li> <li>• Surat Tawaran Universiti (jika ada).</li> <li>• Borang Pengisytiharan Pendapatan</li> </ul> <p><b>iii. <u>Permohonan peringkat PhD:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kad Pengenalan Pemohon (depan dan belakang);</li> <li>• Gambar berukuran passport;</li> <li>• Slip Keputusan SPM;</li> <li>• Transkrip penuh Ijazah Pertama;</li> <li>• Skrol Ijazah Sarjana;</li> <li>• Rancangan penyelidikan yang telah disahkan oleh penyelia; dan</li> <li>• Surat Tawaran Universiti (jika ada).</li> <li>• Borang Pengisytiharan Pendapatan</li> </ul>
8.	<p><b>Adakah dokumen di “Muat Turun Borang” di dalam sistem perlu di muat turun dan diisi semasa membuat permohonan?</b></p>	<p>Dokumen lain adalah tidak perlu di isi. Permohonan adalah sepenuhnya didalam sistem dan muat naik dokumen seperti yang dinyatakan di para 7.</p>

**SOALAN LAZIM BIASISWA MYBRAINSC TAHUN 2021**

<b>SOALAN</b>		<b>JAWAPAN</b>
9.	<b>Apakah syarat tambahan bagi permohonan pengajian luar negara?</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapat tawaran tempat pengajian dan diterima masuk ke universiti yang mempunyai <i>ranking</i> atau <i>rating</i> yang dipersetujui oleh Kementerian; dan</li> <li>• WAJIB mengambil salah satu peperiksaan IELTS/TOEFL dan mencapai skor minimum yang telah ditetapkan Kementerian Pendidikan Malaysia.</li> </ul>
10.	<b>Adakah perlu menduduki ujian khas penajaan sebelum sesi temu duga?</b>	Calon yang berjaya melepasi saringan syarat-syarat permohonan, WAJIB menduduki Ujian Psikometrik secara atas talian ( <i>online</i> ) sahaja dalam tempoh yang ditetapkan. Pemakluman akan di buat melalui e-mel dan SMS.
11.	<b>Bilakah hebahan dan keputusan temu duga dibuat?</b>	<p>Hebahan iklan, semakan keputusan adalah melalui sistem di pautan</p> <p><a href="https://biasiswa.mohe.gov.my/MyBrainSc/">https://biasiswa.mohe.gov.my/MyBrainSc/</a></p> <p>Pemohon akan menerima E-mel dan SMS pemakluman yang telah didaftarkan di dalam sistem.</p>
12.	<b>Apakah yang perlu dilakukan setelah berjaya ditawarkan penajaan Biasiswa MyBrainSc?</b>	Calon yang berjaya temu duga akan menerima surat tawaran bersyarat dan WAJIB menyerahkan Borang Setuju Terima dalam tempoh 14 hari bekerja. Kegagalan untuk menghantar borang tersebut mengakibatkan penawaran terbatal.

**SOALAN LAZIM BIASISWA MYBRAINS SC TAHUN 2021**

<b>SOALAN</b>		<b>JAWAPAN</b>
13.	<b>Apakah ikatan perjanjian yang dikenakan?</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon yang layak akan dikenakan ikatan perjanjian dan tempoh kontrak berkuatkuasa adalah bergantung kepada tempoh pengajian yang dibiayai oleh Kementerian; dan</li> <li>• Kementerian berhak menarik balik penajaan serta mengenakan tuntutan ganti rugi ke atas calon sekiranya;               <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Calon diberhentikan oleh pihak Universiti kerana masalah disiplin, kelemahan akademik atau sebab - sebab lain yang digariskan oleh syarat program dan perjanjian ini; dan</li> <li>➤ Calon menarik diri dalam tempoh penajaan tanpa kebenaran</li> </ul> </li> </ul>
14.	<b>Apakah persediaan yang perlu dilakukan sekiranya berjaya dipanggil temuduga?</b>	<p>Pemohon yang berjaya dipanggil temuduga dinasihatkan untuk membuat persediaan yang baik sebelum menghadiri temu duga iaitu menyediakan kertas cadangan kajian (Sarjana/Ph.D) yang berkualiti dan ASLI. Selain itu, digalakkan membuat permohonan kemasukan ke universiti dalam dan luar negara berdasarkan bidang yang dimohon bagi mengelak kegagalan mendapat tempat untuk kemasukkan sesi <b>SEPTEMBER 2021</b> sekiranya berjaya ditawarkan penajaan biasiswa kelak. Persediaan yang baik adalah merangkumi aspek mental dan fizikal termasuk penyediaan kertas cadangan penyelidikan (Sarjana/Ph.D), kefahaman dan minat dalam bidang yang dimohon, cara penyampaian yang cemerlang, bakat dan yang berkaitan.</p>

**SOALAN LAZIM BIASISWA MYBRAINSC TAHUN 2021**

<b>SOALAN</b>		<b>JAWAPAN</b>
		cara penyampaian yang cemerlang, bakat dan yang berkaitan.
<b>15.</b>	<b>Apakah yang perlu saya bawa ketika hadir ke sesi temuduga?</b>	Senarai dokumen dan alatan yang perlu dibawa akan dinyatakan dalam surat panggilan temu duga yang dimuat turun daripada portal rasmi KPM. Walau bagaimanapun, sebagai persediaan awal pemohon perlu memastikan dokumen ASAL yang berkaitan berada dalam simpanan masing-masing untuk memudahkan urusan sekiranya berjaya dipanggil temuduga.
<b>16.</b>	<b>Pertanyaan umum berkenaan permohonan</b>	<p>Pertanyaan umum berkaitan program:</p> <p align="center"><b>Seksyen Pra-Perkhidmatan</b>            Bahagian Biasiswa            Kementerian Pengajian Tinggi            Aras 2, No. 2, Menara 2            Jalan P5/6, Presint 5            62200 PUTRAJAYA</p> <p>(u.p.: Cik Jihan Ajla binti Mohd Nordin / Puan Norlela binti A Basir / Puan Marini ling binti Abdullah)</p> <p>No. Telefon: 03-8888 1616 (Hotline) /            03-8870 6341 / 03-8870 6352</p> <p>Faks: 03-8870 6839</p> <p>E-mel: <a href="mailto:mybrainsc@mohe.gov.my"><b>mybrainsc@mohe.gov.my</b></a></p>